



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM URBAN FARMING DI WILAYAH PERSEKUTUAN BERI FOKUS KEPADA GOLONGAN MISKIN BANDAR DAN GELANDANGAN

**KUALA LUMPUR, 13 Februari 2021** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), agensi, jabatan kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta dan NGO's mempergiat dan melaksanakan program Pertanian Bandar (*Urban Farming*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Inisiatif ini bagi memperkasakan komuniti dalam mempergiatkan aktiviti sosio ekonomi dan memanfaatkan kawasan tanah yang sedia ada secara produktif di Wilayah Persekutuan. Pelbagai alternatif bagi membantu rakyat dalam mengurangkan kos sara hidup terutama mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 termasuk golongan gelandangan di WP Kuala Lumpur.

Program *Urban Farming* yang berdasarkan komuniti (*community based*) dan pendekatan pengupayaan komuniti (*empowering community*) dalam membangunkan kawasan-kawasan tanah yang belum digunakan, tanah terbiar serta tanah rezab di bawah talian rentis adalah untuk mencapai *Sustainable Development Goals* iaitu matlamat global yang merangkumi aspek kesihatan, sosial, fizikal, alam sekitar dan ekonomi bagi pembangunan mampan. Pihak kerajaan berperanan dalam merancang, menyelaras dan menyediakan prasarana untuk program *urban farming* samada bagi lokasi baharu atau kebun-kebun komuniti sedia ada yang perlu dinaiktaraf dan ditambah nilai supaya dapat menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan.

Komitmen berterusan kerajaan yang sentiasa komited dalam manjaga kebijakan rakyat khususnya golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengenalpasti 52 lokasi baharu dan 21 lokasi sedia ada di bawah Program Mampan Sejahtera (Local Agenda LA21) DBKL untuk pelaksanaan *urban farming* yang berkeluasan 67 ekar keseluruhannya. Kawasan tanah di Perumahan Awam Seri Sarawak, PPR Kerinchi, PPR Batu Muda, PPR Seri Malaysia, PPR Desa Petaling, Kampung Malaysia Tambahan dan Kampung Malaysia Raya antara lokasi baharu yang disenaraikan. Projek *urban farming* yang diusahakan bersama Persatuan Penduduk ini mendapat bimbingan dan peralatan pertanian daripada Jabatan Pertanian Malaysia. Manakala, Persatuan Lestari Alam pula memberikan kursus dan latihan serta menguruskan pemasaran jualan hasil tanaman.

Projek *urban farming* di Taman Desa (Anjung Kelana) merupakan inisiatif berterusan KWP dan DBKL dalam menyelamatkan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia merupakan projek perintis kepada penglibatan gelandangan yang melibatkan 23 orang

gelandangan dengan mengusahakan tanah lapang di seberang jalan penempatan mereka berkeluasan 1.8 ekar. Dalam masa yang sama, Anjung Kelana ini akan dijadikan hub latihan kepada gelandangan yang berminat pada masa akan datang untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti *urban farming*. Ini dapat memastikan golongan gelandangan tidak terdedah kepada penularan pandemik COVID-19 serta memberi peluang untuk kumpulan gelandangan meningkatkan kemahiran dan taraf hidup mereka bagi memperoleh peluang pekerjaan dalam menjana pendapatan sendiri.

Projek *urban farming* gelandangan ini merupakan projek jangka masa sederhana dan panjang dalam mewujudkan hub pertanian bandar sebagai tempat membangunkan sosio-ekonomi golongan gelandangan. Peringkat permulaan, mereka akan didedahkan kepada asas-asas pertanian terutamanya dalam penilaian kesesuaian tanah, pemilihan jenis tanaman, penjagaan dan seterusnya penuaian hasil termasuk pendedahan kepada kitaran pertanian (ekosistem ekonomi). Dalam memastikan hasil pertanian dapat dipasarkan secara berterusan, NGO telah mengenalpasti koperasi yang berminat untuk membeli hasil tanaman yang diusahakan oleh gelandangan ini. Dalam jangka masa panjang, fokus juga akan diberikan kepada penghasilan produk hiliran bagi mempelbagaikan lagi pendapatan kepada gelandangan yang mengusahakan projek *urban farming*.

Bagi memastikan kesinambungan projek *urban farming* ini, kerajaan juga melihat kaedah pertanian yang lebih moden diaplikasikan bagi tujuan penghasilan hasil yang lebih baik. Bukan sahaja mampu mengindahkan landskap perumahan dan lokasi terbiar, malah mewujudkan komuniti petani moden di dalam pusat bandar. Ini sekali gus mengubah imej kawasan terbiar kepada kebun bandar yang bukan sahaja menghasilkan tanaman bebas racun, tetapi memperlihatkan komitmen warga Wilayah Persekutuan memajukan kawasan masing-masing secara sukarela yang seterusnya dapat mengurangkan kos sara hidup dan mampu menjana pendapatan sampingan.

Usaha kerajaan yang meliputi Cakna Kehijauan, Cakna Kemiskinan dan Cakna Keusahawanan di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin ini memberikan pelbagai nilai tambah kepada kehidupan rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang sekaligus mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan komuniti. Penyertaan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk syarikat swasta dan badan-badan korporat sebagai rakan strategik adalah sangat diharapkan dalam menyokong pembangunan dan persekitaran bandar yang mampan khusus di Wilayah Persekutuan.

**Tan Sri TPr. Annuar Musa  
Menteri Wilayah Persekutuan**

**13 Februari 2021**